

# AE mercu tanda baharu UPM

» *Jadi simbolik penawaran kurikulum kejuruteraan pertanian profesional*

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

Serdang

Binaan struktur berhuruf AE yang bermaksud Agriculture Engineering atau Kejuruteraan Pertanian, terletak di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi mercu tanda baharu, universiti itu.

Naib Canselor UPM, Prof Datin



Mercu tanda AE menjadi kebanggaan baharu Fakulti Kejuruteraan UPM.

Dr Aini Ideris, berkata mercu tanda berwarna merah itu adalah simbolik yang melambangkan pénawaran kurikulum kejuruteraan pertanian profesional di negara ini.

Katanya, binaan itu turut menjadi tanda penghormatan kepada UPM yang menjadi tapak kelahiran graduan kejuruteraan pertanian pertama sebelum mula ditawarkan institusi pendidikan lain.

“Kerja pembinaan mercu tanda ini dimulakan sejak awal tahun dan hanya mengambil masa 41 hari untuk disiapkan.

“Secara ketepatan tempoh 41 hari itu turut bersamaan dengan usia penubuhan Fakulti Kejuruteraan dan program Bachelor Kejuruteraan Pertanian yang kini memasuki 41 tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Jaringan Industri Kejuruteraan Pertanian dan Pelancaran Mercu Tanda Tapak Kelahiran Kejuruteraan Pertanian di

Malaysia, di sini baru-baru ini.

## Lebih 1,200 graduan

Yang turut hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dr Mohd Noor Ismail; Mantan Naib Canselor UPM, Prof Emeritus Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie; Dekan Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof Madya Dr Azmi Yahya; Ketua Jabatan Biologi dan Pertanian, Dr Samsuzana Abd Aziz; Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan, Prof Madya Dr Mohd Nordin Ibrahim dan alumni fakulti itu.

Beliau berkata, sehingga kini, UPM berjaya melahirkan lebih 1,200 gra-

duan kejuruteraan pertanian dan pencapaian itu sesuatu yang membanggakan.

“Tahniah diucapkan kepada Fakulti Kejuruteraan UPM dan saya yakin semua warga fakulti termasuk pelajar, kakitangan dan warga UPM amnya akan terpanggil untuk mengetahui seterusnya menghargai sumbangan fakulti dalam memarabatkan bidang kejuruteraan pertanian.

“Malah, kita dapat melihat perkembangannya hari ini apabila bidang itu turut ditawarkan di Politeknik Kota Bharu dan Universiti Malaysia Perlis,” katanya.

Aini Ideris,  
Naib Canselor UPM



Mohd Noor (tengah) memotong reben sebagai simbolik pelancaran mercu tanda baharu UPM sambil diperhatikan Azmi (kiri), Mohd Zohadie (dua dari kiri), Mohd Nordin (dua dari kanan) dan Samsuzana.

**“Kerja pembinaan mercu tanda ini dimulakan sejak awal tahun dan hanya mengambil masa 41 hari untuk disiapkan”**